

>> Muhammad Faris pernah memperoleh RM8,000 sebulan hasil jualan cendol



'MASYUK' JUAL CENDOL

■ Siswazah UPM peroleh RM5,000 sebulan hasil perniagaan setiap bulan

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Serdang

Pembabitannya dalam bidang perniagaan bukan untuk mencari kewehan, sebaliknya hanya mahu mendapat keselesaan sepanjang melanjutkan pengajiannya di universiti selain dapat membantu rakan-rakan sekampus.

Atas keinginan itu, pelajar tahun akhir Sarjana Muda Kejuruteraan Pertanian dan Bio Sistem, Universiti Putra Malaysia (UPM) Muhammad Faris Jaafar, 23, mengambil inisiatif mengusahakan perniagaan, Serdang Cendol dalam kawasan kampusnya.

Bermula dengan hanya sebuah gerai di Muzium Warisan Melayu UPM, perniagaan itu berkembang maju dan kini dia memiliki empat gerai terma-

suk di Kolej Serumpun, Kolej 17 dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan.

Lebih membanggakan, walaupun baru beroperasi kurang dua tahun, namun perniagaan diusahakan Muhammad Faris itu mampu memberikannya pendapatan lumayan bagi individu yang masih bergelar siswa sekitar RM5,000 sebulan, malah pernah mencapai RM8,000.

Namun begitu, kejayaan dalam perniagaan bukan tiket kepada Muhammad Faris untuk berbelanja dan bergaya mewah, sebaliknya dia lebih selesa meneruskan kehidupan secara sederhana kerana mahu menggunakan pendapatan diperoleh untuk menampung pembayaran yuran pengajian serta mengembangkan lagi empayar perniagaannya itu.

Anak kelahiran Seri Kembaran itu berkata, dia mempunyai impian untuk mem-

perlakukan lagi empayar perniagaannya berkonsepkan trak makanan sesuai dengan trend perniagaan semasa dan kekal bertahan.

Menurutnya, ia juga sebagai persediaannya selepas menamatkan pengajian nanti yang akan menjadi platform untuknya berdikari berbanding berkerja makan gaji.

Katanya, dia gembira apabila perniagaan diusahakannya itu bukan saja dapat membantu ramai penuntut UPM mencari pendapatan sampingan menerusi pekerjaan dalam kampus yang menawarkan pekerjaan secara separuh masa kepada mereka.

"Hampir 100 penuntut pernah bekerja di gerai ini dan pada masa ini, saya mempunyai kira-kira 40 pekerja daripada kalangan penuntut sendiri untuk membantu menguruskan perniagaan ini secara bergilir-gilir.

"Semua pekerja di sini, adalah penuntut daripada tahun satu hingga tahun akhir dan mereka bekerja mengikut jam dengan dibayar RM4 setiap jam," katanya.

Anak bongsu daripada dua beradik itu berkata, dia memilih perniagaan berkenaan kerana mahu mempopulkarkan menu pencuci mulut tradisional itu yang kurang persaingan.

Bekas pelajar Sekolah Mengeng Sains Hulu Selangor itu berkata, usahanya tidak terhenti begitu saja, malah tidak pernah berasa jemu untuk menambah ilmu perniagaan demi mugejar cita-citanya.

Menurutnya, keterujaan untuk lebih serius dalam bidang berkenaan selepas mendapat pendedahan awal di Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan dan Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC).

Muhammad Faris berkata, ti-

dak dinafikan menguruskan perniagaan ketika dalam semester akhir pengajian menjadi tempoh paling mencabar kerana menuntut kebijaksanaannya untuk menguruskan masa.

"Namun, itu bukan penghalang kepada saya untuk menyempurnakan tanggungjawab dengan baik sebagai penuntut dan pada masa sama bertekad untuk menamatkan pengajian dengan segulung ijazah yang diimpikan selama ini."

"Melakukan pekerjaan sampingan bukan sesuatu perkara memalukan, sebaliknya ia membuka peluang kepada seseorang untuk memajukan diri berdasarkan potensi masing-masing," katanya.

LAGI BERITA KEJAYAAN SISWA DI BESTARI

Esok: Apa kata universiti



>> Ahmad Fauzi kini mempunyai enam jenis perniagaan yang lain

Pekerja juga siswa universiti

Serdang: Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi tumpuan ramai bukan kerana keunikannya, sebaliknya disebabkan tarikan keenakan rasa cendol yang dijual seorang siswa di kawasan itu sejak setahun lalu.

Biarpun hanya sebuah gerai kecil tetapi tidak pernah berhenti menerima kehadiran pelanggan seawal jam 11 pagi hingga 5 petang kecuali hujung minggu semata-mata mahu menikmati keenakan Serdang Cendol.

Tiga pekerja termasuk seorang pengurus gerai ditugaskan untuk memenuhi permintaan pelanggan terdiri daripada siswa pelbagai bangsa dan latar belakang termasuk siswa antarabangsa.

Seorang pekerja yang juga pelajar tahun tiga ijazah Sarjana Muda Biologi Sel dan Molikular Nur Syuhada Zakaria, 22, berkata, dia mula bekerja sambilan dengan gerai Serdang Cendol sejak sebulan lalu atas perlawaan rakan.

Menurutnya, dia bukan hanya mahu untuk memperoleh wang saku, tetapi lebih teringin untuk mencari pengalaman dan belajar berkomunikasi dengan orang ramai sebagai persediaan menjalani latihan industri Jun depan.

"Sebelum ini, saya ingatkan Serdang Cendol diusahakan peniaga luar sebelum terkejut apabila dapat tahu ia sebenarnya milik penuntut UPM apabila bekerja di sini."

"Saya kagum dengan Muhammad Faris Jaafar, 23, kerana berani mengusahakan perniagaan ini walaupun masih lagi bergelar penuntut dan kini dalam tahun akhir pengajian," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Seorang lagi pekerja Misfahulhairah Shariff, 22, berkata, dia memuji inisiatif Muhammad Faris kerana usahanya itu membuka peluang pekerjaan dalam kampus yang membolehkan ramai siswa bekerja secara sambilan.

"Saya memang mahu mencari kerja sambilan tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana semua lokasinya jauh selain tidak mempunyai kenderaan sendiri."

"Jadi apabila ada peluang seperti ini, saya tidak berlengah menerimanya," katanya yang baru tiga minggu bekerja.

Penuntut tahun tiga ijazah Sarjana Muda Biologi Sel dan Molikular itu berkata, dia hanya bekerja selama empat jam sekali dalam seminggu kerana terikat dengan jadual kelas dan perbincangan kumpulan bersama rakan.